



Program singgah mesra Kumpulan Perangsang kutip satu tan sampah di pantai Bagan Lalang

KUALA LUMPUR, 24 Dis (Bernama) – Sebanyak satu tan sampah dikutip di pantai Bagan Lalang, Sepang oleh Peserta Eksplorace Alam Sekitar, Program Singgah Mesra (PSM) **Kumpulan Perangsang Selangor Bhd** (KPS) semalam.

Lebih 100 petugas KPS dan keluarga mereka serta anggota Pertubuhan Belia Bagan Lalang yang menyertai program itu dengan mengutip pelbagai jenis sampah seperti lampin pakai buang, tayar lori, beg plastik dan botol kaca yang terdampar dalam jarak 200 meter kawasan pantai kunjungan orang ramai itu.

Dalam program dua hari itu bermula 22 Dis, KPS turut menyerahkan 10 anak pokok kelapa madu dan 10 tong sampah kepada Anggota Majlis Perbandaran Sepang, Vijayarany Arumugam sebagai simbolik sokongan KPS kepada penjagaan alam sekitar.

Pengarah Bersekutu Perhubungan Pelabur dan Komunikasi Strategik KPS, Mohd Fauzi Mohd Ghazali berkata objektif KPS untuk memberi kesedaran kepentingan penjagaan alam sekitar kepada peserta terutamanya anak-anak dan masyarakat dilihat tercapai.

“Walaupun masanya singkat, tetapi PSM kali ini lebih terkesan apabila digabungkan dengan program qiamullail dan tazkirah bumi hijau. Ia juga diisi dengan pelbagai lagi program berkaitan alam sekitar yang mendapat sokongan beberapa agensi kerajaan dan NGO,” katanya kepada pemberita selepas Majlis Penutup Program Qiamullail dan Hijau Bumi Tuhan, Singgah Mesra KPS di sini.

Program itu yang memasuki siri keenam tahun ini.

Terdahulu pada majlis tersebut, Mohd Fauzi menyerahkan borang keanggotaan korporat Rakan Alam Sekitar kepada wakil Jabatan Alam Sekitar (JAS), Mohd Amin Ghazali.

Mohd Fauzi berkata sebagai Rakan Alam Sekitar, KPS akan menjalin kerjasama strategik dengan JAS dalam program alam sekitar dan tanggungjawab sosial (CSR) KPS.

“Menerusi kerjasama itu nanti, kita bercadang menganjurkan lebih banyak program dan maklumat mengenai pelestarian alam sekitar yang melibatkan penyertaan masyarakat di daerah yang dikunjungi KPS di negeri ini,” katanya.

<http://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=1678500>